- Cari alternatif penyelesaian masalah.
- Lakukan operasi penyelesaian.
- Nilaikan penyelesaian.

Penggunaan Sumber Luar Bilik Darjah dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Selain daripada menggunakan strategi yang pelbagai dalam pengajaran dan pembelajaran, sumber luar bilik darjah yang sesuai boleh digunakan untuk menjadikan pelajaran sains lebih menarik dan kontekstual.

Penggunaan sumber luar bilik darjah merangkumi aktiviti seperti menjalankan lawatan ke tempat yang berorientasikan sains dan teknologi, menjalankan kajian

lapangan, menggunakan spesimen yang sebenar dan mendapat maklumat daripada pakar dalam bidang yang berkaitan.

Penggunaan Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sains

Kemahiran memilih, mengumpul, mentafsir dan menilai data merupakan kemahiran yang dihasratkan dalam kurikulum sains ini. Data yang telah ditafsir dan diproses akan menjadi maklumat. Data tidak semestinya wujud dalam bentuk maklumat berangka. Proses pengumpulan data dan data yang diperolehi masing-masing akan membawa murid ke arah pencapaian hasil pembelajaran. Murid boleh mengumpul data daripada bahan cetak, bahan elektronik, pakar rujuk atau sumber lain. Dalam konteks ini, teknologi maklumat memainkan peranan yang penting sebagai sumber data. Contoh teknologi maklumat dan komunikasi ialah televisyen, radio, video, perisian komputer, perisian kursus, Internet dan kemudahan telesidang.

Simulasi dan animasi berkomputer merupakan satu lagi kaedah untuk mengajar konsep sains yang mujarad dan sukar. Simulasi dan animasi berkomputer boleh dipersembahkan dalam bentuk perisian atau melalui pembelajaran melalui laman

web. Dalam konteks ini, teknologi maklumat berpotensi menjadikan pembelajaran lebih menyeronokkan dan berkesan. Selain daripada ini, teknologi maklumat seperti komputer juga digunakan sebagai peralatan pemprosesan perkataan dan persembahan.

Penggunaan teknologi lain seperti penggunaan antara muka berkomputer amat membantu dalam meningkatkan minat murid belajar sains dan meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran sains. Antara muka berkomputer boleh digunakan semasa menjalankan eksperimen untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

Teknologi maklumat digunakan sebagai satu saluran untuk mengoptimumkan hasil pembelajaran. Selain daripada itu, penggunaan teknologi secara umum memudahkan pembelajaran terarah sendiri dan pembelajaran mengikut kadar sendiri yang seterusnya membenarkan integrasi mengufuk dan integrasi menegak berlaku dalam sistem persekolahan kita.

Bahan yang boleh membantu pengajaran dan pembelajaran sains

Bersama dengan dokumen Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran ini, Pusat Perkembangan Kurikulum juga menerbitkan beberapa bahan untuk membantu meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran sains. Bahan ini adalah seperti yang berikut:

1. Buku Panduan Penerapan Kemahiran Berfikir dan Strategi Berfikir dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sains.
2. Buku Panduan Pembelajaran Masteri.
3. Buku Panduan Pengurusan Makmal.
4. Buku Panduan Kemahiran Proses Sains.
5. Sistem Maklumat dalam Pengajaran dan Pembelajaran Sains.

Selain daripada bahan ini, bahan seperti buku teks, perisian dan laman web yang dihasilkan oleh Kementerian Pendidikan atau agensi lain yang berwibawa juga boleh dirujuk dalam membantu meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran sains.

ORGANISASI KANDUNGAN

Kurikulum sains ini disusun atur mengikut beberapa tema. Setiap tema mengandungi beberapa Bidang Pembelajaran (BP). Setiap BP mempunyai beberapa Hasil Pembelajaran (HP). HP terdiri daripada HP umum dan HP khusus.

HP umum ditulis mengikut peringkat dalam domain kognitif dan afektif. Peringkat dalam domain kognitif adalah mengetahui, memahami, mengaplikasikan, menganalisis, mensintesis dan menilai. Peringkat dalam domain afektif adalah menyedari, menghargai, menghayati, mengagumi, menyayangi, mensyukuri dan mengamalkan. Hasil pembelajaran dalam domain psikomotor adalah tersirat dalam aktiviti pembelajaran yang dicadangkan.

Setiap HP umum seterusnya diperincikan kepada HP khusus yang ditulis dalam tiga aras, iaitu Aras 1 (A1), Aras 2 (A2) dan Aras 3 (A3). Hasil pembelajaran khusus dalam A1, A2 dan A3 ditulis dalam bentuk objektif perlakuan yang boleh diukur. Objektif perlakuan ini mengandungi unsur pengetahuan, kemahiran saintifik, kemahiran berfikir, sikap saintifik dan nilai murni yang sesuai dengan objektif pembelajaran umum yang dinyatakan dalam HP. A1, A2 dan A3 merujuk kepada

kedalaman dan skop HP yang berkenaan. A1 adalah aras yang asas dan harus dikuasai oleh murid sebelum melanjut ke A2 dan seterusnya ke A3.

Secara am, HP dalam sesuatu BP disusun secara berurutan daripada mudah ke kompleks. HP sebaik-baiknya dipelajari mengikut urutannya dalam setiap BP. Walau bagaimanapun, dalam pengajaran dan pembelajaran, urutan HP dan BP boleh diubahsuai mengikut keperluan atau konteks.

Cadangan Aktiviti Pembelajaran memberi cadangan pengalaman pembelajaran yang akan dilalui oleh murid. Ia juga memberi maklumat tentang skop dan kedalaman sesuatu hasil pembelajaran. Cadangan Aktiviti Pembelajaran diberi untuk membantu guru merancang aktiviti yang perlu dijalankan bagi mencapai HP yang berkaitan. Satu aktiviti mungkin dicadangkan untuk mencapai satu atau lebih hasil pembelajaran. Pada masa yang sama, lebih daripada satu aktiviti mungkin dicadangkan untuk satu hasil pembelajaran. Guru boleh mengubahsuai cadangan aktiviti ini sesuai dengan jenis kecerdasan, tahap kebolehan murid dan juga keadaan sekeliling mereka. Guru digalakkan mereka bentuk

aktiviti tambahan yang inovatif dan berkesan untuk meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran sains.

Penulisan Hasil Pembelajaran

Hasil pembelajaran umum dan hasil pembelajaran khusus dalam domain kognitif dan domain psikomotor ditulis menggunakan perkataan mengikut prinsip yang telah digubal bersesuaian dengan hierarki aras berfikir seperti dalam Jadual 1:

Jadual 1: Perkataan atau Frasa yang Digunakan dalam Hasil Pembelajaran Domain Kognitif dan Domain Psikomotor.

Perkataan atau Frasa yang digunakan dalam Hasil Pembelajaran Umum	Perkataan atau Frasa yang digunakan dalam Hasil Pembelajaran Khusus
Mengetahui <i>- mengingat kembali</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Mentakrifkan • Memerihalkan • Mengenal pasti

Perkataan atau Frasa yang digunakan dalam Hasil Pembelajaran Umum	Perkataan atau Frasa yang digunakan dalam Hasil Pembelajaran Khusus
	<ul style="list-style-type: none"> • Melabelkan • Menyenaraikan • Memadankan • Menamakan • Menyatakan • Melukis • Menulis • Melakar
Memahami <i>- menterjemahkan bahan atau idea daripada satu bentuk ke bentuk lain; mentafsir bahan atau idea, menganggar trend masa depan</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Mengubah • Menganggar • Menerangkan • Memberi contoh • Mengukur • Menyukat • Menentukan • Menukar • Membandingkan dan membezakan

Perkataan atau Frasa yang digunakan dalam Hasil Pembelajaran Umum	Perkataan atau Frasa yang digunakan dalam Hasil Pembelajaran Khusus
	<ul style="list-style-type: none"> • Meramalkan • Membuat inferens • Menghubungkan • Mencirikan • Mengelaskan
<p>Mengaplikasikan</p> <p><i>- menggunakan bahan/idea dalam situasi yang baru dan konkrit</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mengira • Menghitung • Menunjuk cara • Mengubah suai • Menjanakan idea • Mengitlakkan • Menjelaskan dengan contoh
<p>Menganalisis</p> <p><i>- mengasingkan maklumat kepada komponen-komponennya untuk</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mencerakinkan • Menjelaskan melalui contoh • Memilih

Perkataan atau Frasa yang digunakan dalam Hasil Pembelajaran Umum	Perkataan atau Frasa yang digunakan dalam Hasil Pembelajaran Khusus
<p><i>memahami struktur organisasinya dan perhubungan antara komponen</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mengasingkan • Membuat andaian • Menghuraikan • Menyelesaikan masalah • Membuat urutan • Menyusun mengikut keutamaan • Menggunakan perhubungan ruang dan masa • Membuat kesimpulan • Mengawal pemboleh ubah
<p>Mensintesis</p> <p><i>- menggabungkan komponen-komponen untuk menghasilkan keseluruhan idea atau</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> • Menggabungkan • Merancang • Meringkaskan • Membina • Merangkakan

Perkataan atau Frasa yang digunakan dalam Hasil Pembelajaran Umum	Perkataan atau Frasa yang digunakan dalam Hasil Pembelajaran Khusus
<i>struktur yang baru dan kreatif</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Mereka cipta • Mereka bentuk • Mengkonsepsikan • Menganalogikan • Membuat gambaran mental • Mendefinisikan secara operasi • Berkomunikasi • Mengeksperimen • Membuat hipotesis
Menilai <i>- menilai idea/ bahan/ maklumat/ kaedah berdasarkan kriteria yang spesifik untuk tujuan yang tertentu</i>	<ul style="list-style-type: none"> • Menaksir • Mengkritik • Mentafsir • Menyokong • Mewajarkan • Mengesan kecondongan

Perkataan atau Frasa yang digunakan dalam Hasil Pembelajaran Umum	Perkataan atau Frasa yang digunakan dalam Hasil Pembelajaran Khusus
	<ul style="list-style-type: none"> • Membuat keputusan

Hasil pembelajaran umum dan hasil pembelajaran khusus dalam domain afektif ditulis menggunakan perkataan mengikut satu prinsip yang telah digubal bersesuaian dengan peringkat penerapan sikap saintifik dan nilai murni seperti dalam Jadual 2:

Jadual 2: Frasa yang Digunakan dalam Hasil Pembelajaran Domain Afektif.

Perkataan atau Frasa yang digunakan dalam Hasil Pembelajaran Umum	Perkataan atau Frasa yang digunakan dalam Hasil Pembelajaran Khusus
Menyedari	<ul style="list-style-type: none"> • Memerihalkan • Menjawab • Melaporkan

Perkataan atau Frasa yang digunakan dalam Hasil Pembelajaran Umum	Perkataan atau Frasa yang digunakan dalam Hasil Pembelajaran Khusus
	<ul style="list-style-type: none"> • Memberitahu • Menyoal • Menerangkan • Mengenali • Menyatakan • Mengenal pasti
Menghargai Menghayati Mengagumi	<ul style="list-style-type: none"> • Memilih • Menunjukkan minat • Mempertahankan • Membandingkan dan membezakan • Mencadangkan • Mengitlakkan • Menyepadukan • Menghubungkaitkan • Mewajarkan • Menerima • Meramalkan

Perkataan atau Frasa yang digunakan dalam Hasil Pembelajaran Umum	Perkataan atau Frasa yang digunakan dalam Hasil Pembelajaran Khusus
Menyayangi Mensyukuri Mengamalkan	<ul style="list-style-type: none"> • Menolong • Mengambil bahagian • Menderma • Memberi • Mempraktikkan • Melakukan • Membina • Mengerjakan • Memulihara • Mengendalikan • Memelihara • Menyertai • Membantu • Menggunakan • Menyelesaikan • Melaksanakan • Menyediakan • Mengucapkan • Mengambil • Menjaga • Menghormati

Tema dan Bidang Pembelajaran

Kandungan pengetahuan mata pelajaran Sains untuk sekolah menengah telah diolah dalam sembilan tema seperti yang berikut:

- A. Memperkenalkan Sains.
- B. Manusia dan Kepelbagaian Hidupan.
- C. Jirim dalam Alam.
- D. Penyenggaraan dan Kesyinambungan Hidup.
- E. Daya dan Gerakan.
- F. Tenaga dalam Kehidupan.
- G. Keseimbangan dan Pengurusan Alam Sekitar.
- H. Perkembangan Teknologi Industri dalam Masyarakat.
- I. Astronomi dan Penerokaan Angkasa Lepas.

Pendekatan bertema ini dapat mewujudkan perkaitan antara pelbagai pengetahuan dalam bidang sains. Tema ini merangkumi ilmu sains yang diperlukan dalam pendidikan sains di peringkat menengah. Di samping itu, pendekatan ini juga menyepadukan pemerolehan dan aplikasi pengetahuan, penguasaan kemahiran saintifik dan kemahiran berfikir, penerapan sikap saintifik dan nilai murni. Kesepaduan ini memberi kefahaman yang lebih bermakna dalam pembelajaran Sains.

Berikut diberikan kandungan pengetahuan dalam setiap tema.

A. Memperkenalkan Sains

Tema ini memperkenalkan murid kepada pengertian sains dan teknologi di mana sains dilihat sebagai suatu susunan ilmu pengetahuan yang sentiasa berkembang dan teknologi sebagai aplikasi pengetahuan sains. Murid juga diperkenalkan kepada kaedah pemerolehan pengetahuan sains secara saintifik melalui penyiasatan saintifik. Murid dilatih menjalankan penyiasatan yang sistematik untuk memahami fenomena alam dan menguji kebenaran dan kesahihannya. Di samping itu, tema ini juga membincangkan tentang kuantiti fizik dan pengukuran di mana murid didedahkan kepada prinsip penggunaan alat pengukur dan penggunaan unit Sistem Antarabangsa (SI) serta perlunya penggunaan unit piawai untuk memudahkan perhubungan antarabangsa.

Bidang pembelajaran dalam tema ini adalah seperti yang berikut:

1. Pengenalan kepada Sains.
2. Penyiasatan Saintifik.

B. Manusia dan Kepelbagaian Hidupan

Tema ini bertujuan untuk memberi kefahaman tentang sel sebagai unit asas hidupan, kepelbagaian hidupan dan pengelasanannya, mikroorganisma dan faedah serta kesannya terhadap kesihatan. Tema ini juga memberi tumpuan tentang manusia bagi membolehkan murid memahami dirinya untuk menghargai kesihatan dan juga tentang keistimewaan manusia mempunyai akal dan roh serta telah dicipta untuk mengurus alam ini.

Bidang Pembelajaran dalam tema ini adalah seperti yang berikut:

1. Sel sebagai Unit Asas Hidupan.
2. Kepelbagaian Hidupan dan Pengelasannya.
3. Mikroorganisma dan Kesannya ke atas Hidupan.

C. Jirim dalam Alam

Tema ini bertujuan untuk memberi kefahaman tentang kepelbagaian sumber di Bumi dan kepentingannya untuk menyokong hidupan. Tema ini juga merangkumi kajian tentang jirim serta struktur dan sifat pelbagai bahan. Ini adalah untuk membolehkan murid memahami bagaimana pelbagai jenis bahan dihasilkan daripada sumber Bumi untuk membuat pelbagai jenis barangan buatan manusia melalui teknologi.

Pendedahan kepada isu pencemaran dan kesusutan bahan api semula jadi adalah untuk memberi kesedaran bahawa manusia perlu memainkan peranan dan bertanggungjawab dalam usaha mengurus alam dengan bijaksana demi kesejahteraan hidup.

Bidang Pembelajaran dalam tema ini adalah seperti yang berikut:

1. Jirim.
2. Kepelbagaian Sumber di Bumi.
3. Udara di Sekeliling Kita.
4. Air dan Larutan.
5. Tanah dan Sumbernya.
6. Jirim dan Bahan.
7. Sebatian Karbon.

D. Penyenggaraan dan Kestinambungan Hidup

Tema ini bertujuan untuk memberi kefahaman tentang proses hidup yang dilalui oleh hidupan bagi meneruskan kehidupan dan kepentingan deria kepada manusia dan hidupan lain bagi mengesan alam sekelilingnya. Tema ini juga bertujuan untuk menunjukkan bagaimana badan kita mengkoordinasi melalui sistem saraf dan sistem endokrin di samping memberi kefahaman tentang keturunan dan variasi di kalangan manusia dan hidupan.

Bidang Pembelajaran dalam tema ini adalah seperti yang berikut:

1. Dunia Melalui Deria Kita.
2. Cahaya dan Penglihatan.
3. Bunyi dan Pendengaran.
4. Pengesanan Rangsangan dan Gerak Balas Tumbuhan.
5. Nutrisi.
6. Peredaran Darah dan Pengangkutan.
7. Respirasi.
8. Perkumuhan.
9. Pemiakan.
10. Pertumbuhan.
11. Koordinasi Badan.
12. Keturunan dan Variasi.
13. Nutrisi dan Pengeluaran Makanan.

E. Daya dan Gerakan

Tema ini bertujuan untuk memberi pengenalan kepada kajian tentang prinsip asas daya dan gerakan di darat, air dan udara. Tema ini juga bertujuan memberi kefahaman tentang sokongan pada manusia dan hidupan serta kebolehan anggota badan kita bergerak.

Bidang Pembelajaran dalam tema ini adalah seperti yang berikut:

1. Dinamik.
2. Sokongan dan Pergerakan.
3. Gerakan.

F. Tenaga dalam Kehidupan

Tema ini bertujuan untuk memberi kefahaman tentang kewujudan pelbagai bentuk tenaga serta penjimatan dan kecekapan tenaga, dan kepentingan tenaga dalam kehidupan. Tema ini juga bertujuan memberi kefahaman tentang penyusutan tenaga dan tenaga alternatif. Di samping itu, tema ini memberi kefahaman tentang cahaya dan warna serta peranannya dalam kehidupan dan sumbangan teknologi optik dalam usaha meningkatkan keupayaan deria manusia.

Bidang Pembelajaran dalam tema ini adalah seperti yang berikut:

1. Sumber dan Bentuk Tenaga.
2. Haba dan Pemindahannya.
3. Keelektrikan.
4. Kemagnetan dan Keelektromagnetan.
5. Penjanaan dan Bekalan Elektrik.
6. Tenaga Nuklear.

7. Tenaga dan Perubahan Kimia.
8. Cahaya, Warna dan Penglihatan.

G. Keseimbangan dan Pengurusan Alam Sekitar

Tema ini bertujuan untuk memberi kefahaman tentang keseimbangan alam dan saling bersandaran antara hidupan dengan alam sekitar, kitar semula jadi yang berlaku dalam alam serta kesan pengurusan alam sekitar yang tidak sistematik. Tema ini juga bertujuan memberi kesedaran bahawa manusia memainkan peranan yang penting dalam memelihara dan memulihara keseimbangan alam dan perlu mengurus alam ini dengan bijaksana.

Bidang Pembelajaran dalam tema ini adalah seperti yang berikut:

1. Saling Bersandaran Antara Hidupan dengan Persekitaran.
2. Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar.

H. Perkembangan Teknologi Industri dalam Masyarakat

Tema ini bertujuan untuk memberi kefahaman tentang

perkembangan teknologi industri dalam masyarakat. Tema ini meliputi pemahaman tentang mesin dan kestabilan objek, alat elektronik dan penghasilan pelbagai jenis bahan daripada sumber Bumi untuk membuat barangan melalui teknologi. Tumpuan diberikan kepada sumbangan teknologi dalam pengeluaran dan pemprosesan makanan serta sumbangan bidang elektronik dalam mempertingkatkan lagi keupayaan penghantaran maklumat. Tumpuan diberikan juga kepada masalah pembuangan sisa industri dan kesannya terhadap alam sekitar.

Bidang Pembelajaran dalam tema ini adalah seperti yang berikut:

1. Kekuatan dan Kestabilan.
2. Mesin.
3. Elektronik.
4. Bahan Kimia dalam Industri.
5. Peningkatan Pengeluaran dan Teknologi Makanan.
6. Bahan Buatan dalam Industri.
7. Elektronik dan Teknologi Maklumat.

I. Astronomi dan Penerokaan Angkasa Lepas

Tema ini bertujuan untuk memberi kefahaman tentang alam semesta dan perkaitannya dengan Bumi dan Bulan meliputi fenomena seperti gerhana, dan kejadian siang dan malam.

Di samping itu, tema ini juga bertujuan untuk memberi kesadaran bahwa suatu ketertiban wujud dalam alam dan perlunya manusia meneruskan usaha untuk meluaskan pengetahuan tentang alam ini.

Bidang Pembelajaran dalam tema ini adalah seperti yang berikut:

1. Astronomi.
2. Sains Angkasa Lepas.

Objektif Pembelajaran Sains Tingkatan Lima

Objektif Pembelajaran untuk setiap tema dan Bidang Pembelajaran ditulis dalam bentuk Hasil Pembelajaran seperti yang berikut:

MANUSIA DAN KEPELBAGAIAN HIDUPAN

Mikroorganisma dan Kesannya ke atas Hidupan

1. Mensintesiskan pengelasan mikroorganisma.
2. Mensintesiskan idea tentang kesan faktor yang mempengaruhi aktiviti mikroorganisma.
3. Mengaplikasikan pengetahuan tentang peranan mikroorganisma yang berfaedah dalam kehidupan harian.
4. Menganalisis kesan mikroorganisma yang berbahaya kepada manusia.
5. Memahami pencegahan jangkitan penyakit yang disebabkan oleh mikroorganisma.
6. Memahami cara merawat penyakit yang disebabkan oleh mikroorganisma.
7. Mengagumi keagungan Tuhan mencipta organisma seni yang mempunyai kesan yang menakjubkan ke atas kehidupan manusia dan alam.

8. Mengamalkan sikap bertanggungjawab ke atas keselamatan diri dan rakan serta terhadap alam sekitar.

JIRIM DALAM ALAM

Sebatian Karbon

1. Memahami kepelbagaian sebatian karbon di Bumi.
2. Menganalisis alkohol dan kesannya kepada kesihatan.
3. Menganalisis lemak dan kesannya kepada kesihatan.
4. Menganalisis kelapa sawit serta kepentingannya kepada pembangunan negara.
5. Menganalisis pembuatan sabun daripada minyak dan tindakan pencucian sabun.
6. Menganalisis polimer asli.
7. Menghargai kebijaksanaan manusia menggunakan akal fikiran dalam memanfaatkan sebatian karbon untuk kesejahteraan hidup.

PENYENGGARAAN DAN KESINAMBUNGAN HIDUP

Nutrisi dan Pengeluaran Makanan

1. Menilai kepentingan amalan pengambilan nutrisi yang baik dan seimbang.
2. Mensintesiskan idea tentang pengeluaran makanan dan keperluan nuriem oleh tumbuhan.
3. Menganalisis kitar nitrogen dan kepentingan.
4. Menghargai peranan tumbuhan sebagai pengeluar makanan.
5. Mensyukuri nikmat Tuhan yang mengurniakan makanan untuk kesihatan dan kesejahteraan hidup.

DAYA DAN GERAKAN

Gerakan

1. Memahami konsep jisim dan inersia.
2. Memahami gerakan kenderaan di darat.
3. Mengaplikasikan konsep laju, halaju dan pecutan dalam kehidupan harian.
4. Mensintesiskan idea tentang momentum dan perkaitannya dengan kehidupan harian.
5. Mensintesiskan konsep tekanan.

6. Mengaplikasikan prinsip operasi sistem hidraulik dalam kehidupan harian.
7. Menganalisis gerakan kenderaan di air.
8. Menganalisis gerakan kenderaan di udara.
9. Mensyukuri anugerah Tuhan yang memberikan manusia akal fikiran dalam mereka cipta dan mereka bentuk kenderaan untuk kesejahteraan hidup.

KESEIMBANGAN DAN PENGURUSAN ALAM SEKITAR

Pemeliharaan dan Pemuliharaan Alam Sekitar

1. Menganalisis keseimbangan alam sekitar.
2. Menganalisis kesan pencemaran terhadap alam sekitar.
3. Mensintesiskan idea tentang pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar untuk mengawal pencemaran.
4. Menilai kepentingan pengolahan dan pengurusan sumber alam yang terancang dalam mengekalkan keseimbangan alam.
5. Mengamalkan sikap bertanggungjawab dalam usaha memelihara dan memulihara alam sekitar melalui

PERKEMBANGAN TEKNOLOGI INDUSTRI DALAM MASYARAKAT

Peningkatan Pengeluaran dan Teknologi Makanan

1. Menganalisis perkembangan dalam teknologi makanan.
2. Menganalisis peningkatan pengeluaran makanan segera.
3. Menghargai sumbangan teknologi dalam pengeluaran makanan untuk meningkatkan kesejahteraan hidup.
4. Mengamalkan pemikiran kritis dan analitis dalam membuat pemilihan makanan yang diproses.

Bahan Buatan dalam Industri

1. Memahami polimer sintetik.
2. Menganalisis plastik.
3. Menghargai sumbangan manusia mencipta polimer sintetik yang mempunyai banyak kegunaan dalam kehidupan.
4. Mengamalkan sikap bertanggungjawab terhadap pelupusan polimer sintetik tanpa mencemarkan alam.

Elektronik dan Teknologi Maklumat

1. Memahami gelombang radio.
2. Menganalisis sistem komunikasi radio.
3. Memahami perkembangan teknologi penghantaran maklumat.
4. Menghargai kegigihan ahli sains mereka cipta alat komunikasi untuk kesejahteraan hidup.

MANUSIA DAN KEPELBAGAIAN HIDUPAN

SAINS TINGKATAN 5

Bidang Pembelajaran	Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti Pembelajaran
Mikroorganisma dan Kesannya ke atas Hidupan	<p>1. Mensintesiskan pengelasan mikroorganisma.</p> <p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> Mengelaskan pelbagai jenis mikroorganisma ke dalam kumpulan berdasarkan ciri sepunya. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> Mengelaskan pelbagai mikroorganisma kepada bakteria, kulat, protozoa, virus dan alga. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> Mengkonsepsikan pengelasan mikroorganisma. 	<p>Menjalankan aktiviti mengkaji dan mengelaskan pelbagai jenis mikroorganisma daripada segi rupa bentuk dan saiz.</p> <p>Mengumpulkan dan mentafsirkan data tentang perkara berikut:</p> <p>(a) Pelbagai jenis mikroorganisma.</p> <p>(b) Ciri mikroorganisma iaitu rupa bentuk, saiz, cara pembiakan, nutrisi dan habitat.</p> <p>Membina pengelasan mikroorganisma berdasarkan ciri rupa bentuk, saiz, cara pembiakan, nutrisi dan habitat.</p>
	<p>2. Mensintesiskan idea tentang kesan faktor yang mempengaruhi aktiviti mikroorganisma.</p> <p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> Mengenal pasti faktor persekitaran yang mempengaruhi aktiviti mikroorganisma. 	<p>Mengumpulkan dan mentafsirkan data tentang faktor yang mempengaruhi aktiviti pertumbuhan dan pembiakan mikroorganisma.</p> <p>Membincangkan keperluan nutrien dalam aktiviti mikroorganisma.</p> <p>Menjalankan eksperimen untuk mengkaji kesan faktor pH terhadap aktiviti mikroorganisma.</p>

MANUSIA DAN KEPELBAGAIAN HIDUPAN

SAINS TINGKATAN 5

Bidang Pembelajaran	Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti Pembelajaran
	<ul style="list-style-type: none"> Menerangkan keperluan nutrien dalam aktiviti mikoorganisma. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> Mengawal pemboleh ubah dalam kajian kesan faktor pH terhadap aktiviti mikroorganisma. Mereka bentuk eksperimen untuk mengkaji kesan faktor lain yang mempengaruhi aktiviti mikroorganisma. Meramalkan kesan faktor persekitaran dan nutrien terhadap aktiviti mikroorganisma. Membuat kesimpulan kesan faktor persekitaran dan nutrien terhadap aktiviti mikroorganisma. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> Menjelaskan melalui contoh situasi dalam kehidupan harian di mana aktiviti mikroorganisma dipengaruhi oleh faktor persekitaran dan nutrien. 	<p>Merancang dan menjalankan eksperimen mengkaji kesan faktor selain daripada pH terhadap aktiviti mikoorganisma.</p> <p>Menjalankan aktiviti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> Membuat ramalan kesan faktor persekitaran dan nutrien terhadap aktiviti mikroorganisma. Perbincangan tentang situasi dalam kehidupan harian di mana aktiviti mikroorganisma dipengaruhi oleh faktor persekitaran dan nutrien. <p><i>Nota :</i></p> <p><i>Langkah keselamatan semasa mengendalikan eksperimen yang melibatkan mikroorganisma mesti dipatuhi.</i></p>

Bidang Pembelajaran	Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti Pembelajaran
	<p>3. Mengaplikasikan pengetahuan tentang peranan mikroorganisma yang berfaedah dalam kehidupan harian.</p> <p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memberi contoh kegunaan mikroorganisma dalam kehidupan harian. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menerangkan peranan mikroorganisma yang berfaedah dalam kehidupan. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menjanakan idea tentang potensi penggunaan mikroorganisma dalam pelbagai bidang. 	<p>Mengumpulkan dan mentafsirkan data tentang jenis, kegunaan dan peranan mikroorganisma yang berfaedah dalam perkara berikut:</p> <p>(a) Pencernaan makanan. (b) Pereputan. (c) Bidang perubatan, pertanian dan perindustrian.</p> <p>Menjalankan aktiviti perbincangan tentang potensi penggunaan mikroorganisma dalam pelbagai bidang.</p> <p><i>Nota:</i> <i>Nama saintifik mikroorganisma tidak diperlukan.</i></p>

Bidang Pembelajaran	Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti Pembelajaran
	<p>4. Menganalisis kesan mikroorganisma yang berbahaya kepada manusia.</p> <p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyatakan kesan mikroorganisma yang berbahaya kepada manusia. • Menerangkan kesan mikroorganisma berbahaya ke atas makanan. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menghubungkan jenis mikroorganisma dengan penyakit. • Memerihalkan gejala penyakit yang disebabkan oleh mikroorganisma. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyenaraikan cara jangkitan penyakit. • Menghuraikan cara jangkitan penyakit yang disebabkan oleh mikroorganisma. 	<p>Membincangkan tindakan mikroorganisma yang berbahaya dalam menyebabkan perkara berikut:</p> <p>(a) Penyakit pada manusia. (b) Kerosakan pada makanan.</p> <p>Mengumpulkan dan mentafsirkan data tentang jenis mikroorganisma, penyakit yang disebabkan serta gejala penyakit, pada manusia.</p> <p>Contoh mikroorganisma dan penyakit yang disebabkan adalah seperti berikut:</p> <p>(a) Bakteria menyebabkan penyakit seperti tuberkulosis, kolera dan pelbagai penyakit kelamin. (b) Virus menyebabkan penyakit seperti selesema, demam denggi, hepatitis A dan B, sindrom kurang daya tahan (AIDS). (c) Kulat menyebabkan penyakit seperti panau dan kurap. (d) Protozoa menyebabkan penyakit seperti malaria.</p> <p><i>Nota:</i> <i>Nama saintifik mikroorganisma terlibat tidak perlu dinyatakan.</i></p>

Bidang Pembelajaran	Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti Pembelajaran
		<p>Membincangkan tentang cara jangkitan penyakit yang disebabkan oleh mikroorganisma iaitu melalui udara, air, makanan, sentuhan dan vektor.</p>
	<p>5. Memahami pencegahan jangkitan penyakit yang disebabkan oleh mikroorganisma.</p> <p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyenaraikan cara mencegah jangkitan penyakit. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menghubungkan pengawalan vektor dengan tabiat dan kitar hidupnya. • Menerangkan pelbagai kaedah pensterilan. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menerangkan maksud keimunan. • Menerangkan jenis keimunan. 	<p>Mengumpulkan dan mentafsirkan data tentang cara pencegahan jangkitan penyakit iaitu kawalan vektor pensterilan dan pengimunan.</p> <p>Menggambar kisahkan tabiat dan kitar hidup vektor iaitu nyamuk dan lalat serta mengaitkannya dengan pengawalan dan pencegahan jangkitan penyakit.</p> <p>Membincangkan pelbagai kaedah pensterilan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Penggunaan haba iaitu melalui pendidihan dan autoklaf. (b) Penggunaan bahan kimia iaitu antiseptik dan disinfektan. (c) Penggunaan sinaran iaitu sinaran gama dan sinaran ultra ungu.

MANUSIA DAN KEPELBAGAIAN HIDUPAN

SAINS TINGKATAN 5

Bidang Pembelajaran	Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti Pembelajaran
	<ul style="list-style-type: none"> • Menerangkan kepentingan keimunan kepada manusia. • Membandingkan dan membezakan jenis keimunan. 	<p>Menjalankan aktiviti main peranan, membincangkan perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Maksud keimunan (b) Jenis keimunan. (c) Kepentingan keimunan. <p>Menjalankan aktiviti perbincangan membandingkan keimunan aktif dengan keimunan pasif.</p>
	<p>6. Memahami cara merawat penyakit yang disebabkan oleh mikroorganisma.</p> <p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyatakan cara merawat penyakit yang disebabkan oleh mikroorganisma. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menerangkan kesan antibiotik terhadap mikroorganisma. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menerangkan bahaya rawatan tanpa pengawasan dan preskripsi. 	<p>Membincangkan cara merawat penyakit yang disebabkan oleh mikroorganisma.</p> <p>Menjalankan eksperimen untuk mengkaji tindakan antibiotik terhadap bakteria.</p> <p>Menulis rencana tentang bahaya rawatan tanpa pengawasan dan preskripsi doktor.</p>

MANUSIA DAN KEPELBAGAIAN HIDUPAN

SAINS TINGKATAN 5

Bidang Pembelajaran	Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti Pembelajaran
	<p>7. Mengagumi keagungan Tuhan mencipta organisma seni yang mempunyai kesan yang menakjubkan ke atas kehidupan manusia dan alam.</p> <ul style="list-style-type: none">• Menghubungkan kehadiran mikroorganisma dengan kehidupan manusia dan keseimbangan alam.	<p>Membincangkan tentang perkara berikut:</p> <p>(a) Perkaitan antara mikroorganisma dengan kesejahteraan dan kesengsaraan hidup manusia.</p> <p>(b) Perkaitan antara mikroorganisma dengan keseimbangan alam.</p>
	<p>8. Mengamalkan sikap bertanggungjawab ke atas keselamatan diri dan rakan serta terhadap alam sekitar.</p> <ul style="list-style-type: none">• Mempraktikkan langkah keselamatan semasa mengendalikan eksperimen yang melibatkan mikroorganisma.	<p>Memastikan semula langkah keselamatan semasa mengendalikan eksperimen yang melibatkan mikroorganisma dipatuhi.</p>

Bidang Pembelajaran	Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti Pembelajaran
Sebatian Karbon	<p>1. Memahami kepelbagaian sebatian karbon di Bumi.</p> <p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyatakan maksud sebatian karbon. • Menyatakan jenis sebatian karbon. • Menyenaraikan contoh sebatian karbon organik. • Menyenaraikan contoh sebatian karbon tak organik. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> • Membandingkan dan membezakan sebatian karbon organik dengan sebatian karbon tak organik. • Mengelaskan bahan kepada sebatian karbon organik dan sebatian karbon tak organik. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menerangkan maksud hidrokarbon. • Menyenaraikan sumber hidrokarbon. 	<p>Membincangkan tentang perkara berikut:</p> <p>(a) Maksud sebatian karbon.</p> <p>(b) Jenis sebatian karbon iaitu sebatian karbon organik dan sebatian karbon tak organik.</p> <p>Menjalankan aktiviti perbincangan membandingkan sebatian karbon organik dengan sebatian karbon tak organik.</p> <p>Menjalankan aktiviti membuat pengelasan pelbagai bahan kepada sebatian karbon organik dan sebatian karbon tak organik.</p> <p>Mengumpulkan dan mentafsirkan data tentang hidrokarbon dan sumbernya.</p>

Bidang Pembelajaran	Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti Pembelajaran
	<p>2. Menganalisis alkohol dan kesannya kepada kesihatan.</p> <p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyatakan unsur dalam alkohol. • Memberi contoh alkohol. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menghuraikan proses pembentukan alkohol. • Menyatakan sifat umum alkohol. • Menyenaraikan kegunaan alkohol. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menghuraikan kesan alkohol kepada kesihatan manusia. • Menghubungkan kesan ketagihan alkohol dengan masalah sosial. 	<p>Membincangkan unsur dalam alkohol serta memberi contoh alkohol iaitu etanol dan metanol.</p> <p>Menjalankan aktiviti berikut:</p> <p>(a) Menghasilkan etanol yang tulen melalui proses penapaian dan penyulingan.</p> <p>(b) Mengkaji sifat alkohol seperti kelarutcampuran dengan air, kebolehbakaran dan tindak balas dengan asid untuk menghasilkan ester.</p> <p><i>Nota:</i> <i>Untuk tindak balas pengesteran, hanya persamaan perkataan umum diperkenalkan.</i></p> <p>Mengumpulkan dan mentafsirkan data tentang perkara berikut:</p> <p>(a) Pelbagai kegunaan alkohol dalam kehidupan harian.</p> <p>(b) Kesan alkohol kepada manusia iaitu pada otak, sistem saraf dan hati.</p> <p>(c) Masalah sosial akibat daripada ketagihan alkohol.</p>

Bidang Pembelajaran	Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti Pembelajaran
	<p>3. Menganalisis lemak dan kesannya kepada kesihatan.</p> <p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyatakan unsur dalam lemak. • Menyatakan jenis lemak dan sumbernya. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> • Membandingkan dan membezakan lemak tepu dengan lemak tak tepu. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menghuraikan kesan memakan makanan yang mengandungi lemak tepu dan lemak tak tepu ke atas kesihatan. 	<p>Mengumpulkan dan mentafsirkan data tentang perkara berikut:</p> <p>(a) Unsur dalam lemak.</p> <p>(b) Jenis lemak iaitu lemak tepu dan lemak tak tepu serta sumbernya.</p> <p>Menjalankan aktiviti perbincangan membandingkan lemak tepu dengan lemak tak tepu termasuk daripada aspek sumber, keadaan pada suhu bilik, takat lebur dan kesan ke atas kesihatan.</p> <p>Membincangkan kesan memakan makanan yang mengandungi lemak tepu dan lemak tak tepu ke atas kesihatan.</p> <p>Menyediakan folio tentang kesan memakan makanan yang mengandungi lemak tepu dan lemak tak tepu ke atas kesihatan.</p>

Bidang Pembelajaran	Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti Pembelajaran
	<p>4. Menganalisis kelapa sawit serta kepentingannya kepada pembangunan negara.</p> <p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> • Melukis struktur buah kelapa sawit. • Membuat urutan proses pengekstrakan minyak kelapa sawit. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyenaraikan kegunaan minyak kelapa sawit. • Mengenal pasti bahan berkhasiat dalam minyak kelapa sawit. • Menerangkan kepentingan industri kelapa sawit kepada pembangunan negara. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memerihalkan aktiviti penyelidikan kelapa sawit oleh institusi tempatan. • Menjanakan idea tentang potensi kelapa sawit. 	<p>Memerhati dan meneliti struktur buah kelapa sawit.</p> <p>Mengumpulkan dan mentafsirkan data tentang proses pengekstrakan minyak kelapa sawit.</p> <p>Menjalankan aktiviti untuk mengkaji proses pengekstrakan minyak daripada buah kelapa sawit.</p> <p>Menjalankan aktiviti perbincangan tentang perkara berikut:</p> <p>(a) Kegunaan minyak kelapa sawit.</p> <p>(b) Bahan berkhasiat dalam minyak kelapa sawit seperti lemak, vitamin dan pengantioksid.</p> <p>Mengumpulkan dan mentafsirkan data tentang kepentingan industri kelapa sawit, kepada pembangunan negara.</p> <p>Membuat lawatan ke kilang yang memproses minyak kelapa sawit dan institusi penyelidikan yang berkaitan dengan kelapa sawit.</p> <p>Membincangkan potensi kelapa sawit.</p>

Bidang Pembelajaran	Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti Pembelajaran
	<p>5. Menganalisis pembuatan sabun daripada minyak dan tindakan pencucian sabun.</p> <p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyatakan kandungan sabun. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menghuraikan proses pembuatan sabun. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menerangkan tindakan pencucian sabun. 	<p>Membincangkan sabun sebagai garam natrium bagi asid lemak.</p> <p>Menjalankan aktiviti untuk mengkaji proses pembuatan sabun melalui tindak balas minyak dengan larutan natrium hidroksida.</p> <p>Menggambarkisahkan tindakan pencucian sabun.</p>

Bidang Pembelajaran	Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti Pembelajaran
	<p>6. Memahami polimer asli.</p> <p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mentakrifkan polimer dan monomer. • Menyatakan jenis polimer serta contoh. • Memberi contoh polimer dan monomer. • Menerangkan proses pempolimeran. • Menerangkan proses penyahpolimeran. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyatakan sifat getah asli. • Menerangkan tindakan asid ke atas lateks. • Menerangkan tindakan larutan ammonia ke atas lateks. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menerangkan proses pemvulkanan getah. • Menghubungkan sifat getah ter Vulkan dengan struktur molekulnya. 	<p>Membincangkan tentang perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> (a) Takrif polimer dan monomer. (b) Jenis polimer iaitu polimer asli dan polimer sintetik serta contoh. (c) Memberi contoh polimer dan monomernya. <p>Menjalankan aktiviti untuk mengkaji perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> (a) Proses pempolimeran dan penyahpolimeran. (b) Sifat getah asli. (c) Penggumpalan lateks oleh tindakan asid. (d) Pencegahan penggumpalan lateks oleh ammonia. (e) Pemvulkanan getah dengan menggunakan sulfur. <p>Melukis gambar rajah skema untuk menunjukkan tindakan asid ke atas lateks.</p> <p>Menjalankan aktiviti perbincangan menghubungkan sifat getah ter Vulkan dengan struktur molekulnya.</p>

Bidang Pembelajaran	Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti Pembelajaran
	<ul style="list-style-type: none"> • Memerihalkan perindustrian getah asli dan kepentingannya terhadap pembangunan negara. 	<p><i>Nota:</i> Hanya gambar rajah skema yang menunjukkan struktur molekul getah tervulkan diperlukan.</p> <p>Membuat lawatan ke kilang dan institusi penyelidikan getah asli untuk mengumpul maklumat tentang perindustrian getah asli dan sumbangannya terhadap hasil pendapatan negara.</p>
	<p>7. Menghargai kebijaksanaan manusia menggunakan akal fikiran dalam memanfaatkan sebatian karbon untuk kesejahteraan hidup.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menerangkan kepentingan menggunakan akal fikiran dalam usaha memanfaatkan sebatian karbon. • Menghubungkaitkan kebijaksanaan dan usaha gigih ahli sains dengan pencapaian mereka dalam penyelidikan tentang sebatian karbon. 	<p>Membincangkan peranan manusia dalam usaha memanfaatkan sebatian karbon untuk kesejahteraan hidup.</p> <p>Mengumpulkan dan mentafsirkan data tentang pengalaman dan usaha gigih ahli sains dalam mencapai kejayaan semasa menjalankan penyelidikan tentang sebatian karbon.</p>

PENYENGGARAAN DAN KESINAMBUNGAN HIDUP

SAINS TINGKATAN 5

Bidang Pembelajaran	Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti Pembelajaran
